



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	13 /1/2011

# Tingkat usaha atasi jenayah siber

## Najib gesa ASEAN wujud pelan bersepadu lindungi rakyat ancaman ICT

Oleh Syuhada Choo Abdullah  
dan Lum Chee Hong  
[bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak menggesa ASEAN mengambil langkah berkesan untuk meningkatkan keupayaan menangani ancaman dan jenayah siber yang semakin canggih sehingga menimbulkan risiko besar kepada negara dan kerajaan.

Dalam kesungguhan membangunkan ekonomi, Perdana Menteri berkata, cabaran baru dibawa kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tidak harus dilupakan kerana ancamannya boleh me-

ngakibatkan kerosakan yang tidak dapat dibaiki terhadap ekonomi dan negara.

Justeru, beliau mahu pembinaan keupayaan kerajaan dan pegawai penguat kuasa undang-undangnya dipertingkatkan supaya sentiasa peka untuk mengatasi ancaman siber sekarang dan pada masa depan.

Berikutan itu, beliau menggesa Mesyuarat Menteri-Menteri Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat (TELMIN) ASEAN yang berlangsung di sini, untuk membangunkan satu pelan bersepadu dan komprehensif bagi membolehkan kerjasama melindungi rakyat daripada elemen

negatif dalam alam siber.

"Pada masa sama, kita juga mesti melihat etika penggunaan internet. Perlakuan tidak beretika dan tidak bertanggungjawab dalam dunia tanpa sempadan internet mesti dikawal. Orang ramai dan generasi masa depan ki-

*"Orang ramai dan generasi masa depan kita perlu dididik menggunakan ICT secara selamat dan bertanggungjawab"*

**Najib Razak**  
Perdana Menteri

ta perlu dididik menggunakan ICT secara selamat dan bertanggungjawab.

"Kita sudah menyaksikan bagaimana ada kala kemajuan pesat ICT memberi kesan negatif. Dalam soal ini, nilai serta budaya ketimuran boleh memainkan peranan. Saya percaya dalam meraih pembangunan ICT, amat penting untuk kita tidak melupakan asal usul budaya dan nilai kita.

"Budaya dan warisan menjadikan kita unik. Oleh itu, adalah penting untuk mendidik masyarakat supaya jangan mengabaikan apa yang menjadikan mereka sebagai rakyat Asia yang unik, mes-

kipun menghadapi kemodernan dan globalisasi. Kita tidak harus sesekali berkompromi dengan nilai kita atas nama pembangunan," katanya ketika berucap pada majlis perasmian TELMIN ASEAN Ke-10 di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Najib turut menekankan pentingnya ASEAN berada dalam arus pembangunan ICT global, namun kesalinghubungan (connectivity) sesama negara berdepan cabaran berikutan penyediaan rangkaian jalur lebar yang moden memerlukan pelaburan besar.